

Sembunyi bentuk kerajaan helah Pas tipu rakyat.

TUMPAT 20 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menipufatkan Pas cuba menipu rakyat apabila menyembunyikan bentuk kerajaan sebenar yang ingin dibentuknya apabila dicabar berbuat demikian.

Beliau berkata, Pas yang mendakwa kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) sekular enggan untuk menyatakan kerajaan idamannya adalah kerajaan Islam yang ekstrem kerana bimbang tidak mendapat sokongan DAP.

“Sebaliknya jika kata kerajaan yang hendak ditubuh tidak jauh bezanya dengan UMNO (kerajaan BN sekarang), penyokongnya daripada kalangan Melayu tolak. Sebab itu mereka nak sembunyi kerana nak tipu rakyat,” katanya ketika berucap di majlis jamuan bersama rakyat di Pengkalan Kubor, di sini hari ini.

Majlis anjuran seorang usahawan tempatan itu disertai oleh kira-kira 5,000 penduduk.

Menurut Dr. Mahathir lagi, tindakan pemimpin Pas itu telah menyaksikan Kelantan terus mundur dan rakyatnya pula menderita serta tidak merasai nikmat pembangunan seperti negeri-negeri lain.

Sebelum ini, Pas pernah dicabar untuk mengemukakan kerajaan idamannya jika benar kerajaan sedia ada adalah sekular seperti yang didakwa.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pemimpin Pas berkata, mereka hanya akan menjawab cabaran itu apabila mereka diberi kuasa untuk memerintah negara ini.

Dr. Mahathir pada sidang akhbar kemudiannya berkata, sikap Pas yang masih lagi meneruskan ceramah politik di sebalik arahan pihak polis menunjukkan parti pembangkang itu tidak menghormati undang-undang.

Beliau berkata, Pas mungkin akan berasa kecewa sekiranya orang lain tidak menghormati undang-undang dan menekan mereka.

“Kalau kita tidak hormati undang-undang sedangkan (kita) kerajaan, maka orang lain tidak akan hormati undang-undang.”

“Kalau tidak ada orang yang menghormati undang-undang, kita akan mengalami keadaan anarki iaitu keadaan tidak berkerajaan. Rakyat akan menghadapi masalah besar kalau kita tidak menghormati undang-undang,” katanya.